

# UiTM, Universiti Sarajevo bincang 70 kertas penyelidikan dasar awam, sains sosial

Oleh **Mohd Nasaruddin Parzi** - September 16, 2023 @ 9:26pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Roziah Mohd Janor (lima dari kiri); Rektor International University of Sarajevo, Prof Dr Ahmet Yildirim (enam dari kiri); Duta Besar Malaysia ke Bosnia & Herzegovina Raja Saiful Ridzuwan Raja Kamaruddin (tujuh dari kiri) serta pembentang pada Persidangan Antarabangsa Dasar Awam dan Sains Sosial (ICoPS) 2023  
- Foto Ihsan UiTM

KUALA LUMPUR: Sebanyak 70 kertas penyelidikan dibentangkan pada Persidangan Antarabangsa Dasar Awam dan Sains Sosial (ICoPS) 2023 yang berakhir semalam.

Persidangan itu anjuran bersama Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) dan International Universiti Sarajevo (IUS), Bosnia dan Herzegovina, diadakan secara hibrid, iaitu fizikal di IUS dan secara maya melalui aplikasi Webex.

UiTM dalam kenyataan berkata, bertemakan 'Contemporary Public Administration & Governance', persidangan bertujuan menyediakan platform bagi penyelidik dan sarjana di seluruh dunia untuk membentangkan hasil penyelidikan mereka dalam pelbagai bidang.

"Persidangan yang berlangsung selama tiga hari ini dimulakan dengan tiga siri 'Master Class' disertai 150 peserta dari dalam dan luar negara pada 13 September secara maya, yang menampilkan pakar-pakar akademik yang berkongsi ilmu tentang penyelidikan kualitatif, kuantitatif serta penulisan manuskrip untuk penerbitan dalam Jurnal Berimpak Tinggi.

"Seterusnya, sesi pembentangan sebanyak 70 kertas penyelidikan diadakan secara maya menerusi aplikasi Webex dan fizikal di IUS pada 14 September 2023," katanya.

Katanya, semalam juga diadakan Majlis Pelancaran Buku bertajuk "A Multidimensional Study on Malaysia-Bosnia and Herzegovina, di University of Sarajevo (UNSA), Sarajevo.

"Dalam majlis itu, Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Roziah Mohd Janor turut menyatakan penerbitan buku oleh UiTM Press adalah satu manifestasi kerjasama, pengantarabangsaan dan perkongsian dua negara dari dua benua yang berbeza, yang jelas menjadi simbol muhibah antara kedua-dua negara dan universiti," katanya.

Majlis pelancaran buku itu turut dihadiri oleh Rektor UNSA, Prof Dr Rifat Škrijelj bersama delegasi dari UNSA dan delegasi dari UiTM.

Selain itu, katanya pihak Kedutaan Malaysia di Sarajevo juga mengadakan Networking Dinner bersama delegasi dari UiTM.

"Dalam majlis tersebut juga, Roziah turut menyempurnakan sesi penyerahan dua buah Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara UiTM dan IUS, serta UiTM dan SSST," katanya.